



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 28 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 28 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,251 kes** (273,417 kes kumulatif, 90.9%);
- Kes baharu : **2,437 kes** (300,752 kes kumulatif);
- Kes import : **2 kes** (1 warganegara; 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,435 kes** [1,226 warganegara (50.3%); 1,209 bukan warganegara (49.7%)];
- Kes aktif : **26,205 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **202 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **93 kes**; dan
- Kes kematian : **9 kes** (1,130 kes kumulatif, 0.38%; 8 warganegara; 1 bukan warganegara).

Negeri Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **914 kes (37.5 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **823 kes (90.0 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **340 kes (14.0 peratus)** dan Perak sebanyak **337 kes (13.8 peratus)**.

Sebanyak **85 kes (3.5 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok Tapah (77 kes), Kluster Tembok Taiping (3 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (2 kes), Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (2 kes), dan Kluster Penjara Jalan Harapan (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tiga (3) kes di Selangor, dua (2) di Sarawak, serta masing-masing satu (1) kes di Melaka, Kelantan, Perak dan Johor. Sebanyak lapan (8) kes melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 28 Februari 2021:

- Jumlah kluster : **1,138 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **647 kluster** (termasuk **tiga (3) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Rami Tiga, Kluster Lingkaran Maluri, dan Kluster Sri Plentong**);
- Jumlah kluster aktif : **491 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **89 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Perusahaan Jalan Bukit (262 kes), Kluster Tapak Bina Bukit Kiara (180 kes), dan Kluster Jalan Tasek Avenue (166 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **sembilan (9) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini dan kesemua kluster ini berkaitan tempat kerja.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Timah Tiga	Johor	Tempat Kerja
2	Jalan Tanjung Empat	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Desa Tropika	Johor	Tempat Kerja
4	Batu Empat	Johor	Tempat Kerja
5	Perusahaan Jalan Bukit	Selangor	Tempat Kerja
6	Industri Waja	Selangor	Tempat Kerja
7	Jalan Selisik	Selangor	Tempat Kerja
8	Tapak Bina Bukit Kiara	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
9	Jalan Sungai Baong	Pulau Pinang	Tempat Kerja

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

28 Februari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 28 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	914 (1)	99,893
SABAH	134	52,886
JOHOR	340	35,957
WP KUALA LUMPUR	337	34,973
NEGERI SEMBILAN	65	15,809
PULAU PINANG	105	11,488
PERAK	287	11,221
SARAWAK	171 (1)	9,545
KEDAH	13	7,611
MELAKA	10	5,975
KELANTAN	33	4,882
PAHANG	11	3,788
TERENGGANU	12	3,196
WP LABUAN	2	2,253
WP PUTRAJAYA	3	1,063
PERLIS	0	212
JUMLAH KESELURUHAN	2,437 (2)	300,752

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Kes positif 2,437 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 28 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 914 kes**

- 430 kes daripada kluster-kluster, termasuk 307 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Perusahaan Jalan Bukit, Kluster Industri Waja, dan Kluster Jalan Selisik**;
- 393 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 90 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 340 kes**

- 192 kes daripada kluster-kluster, termasuk 44 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu Empat, Kluster Jalan Timah Tiga, Kluster Jalan Tanjung Empat, dan Kluster Jalan Desa Tropika**;
- 69 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 79 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 337 kes**
 - 227 kes daripada kluster-kluster, termasuk 180 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Bukit Kiara**;
 - 59 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 51 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 287 kes**
 - 279 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 171 kes**
 - 44 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 70 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 56 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 134 kes**
 - 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 48 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 105 kes**

- 31 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Sungai Baong**;
- 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 54 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 65 kes**

- 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 33 kes**

- Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada;
- 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 13 kes**

- Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 12 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 11 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 10 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Tiga (3) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan sembilan (9) kes kematian pada 28 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1122	197941	Melaka	Perempuan (WN)	69	Hospital Melaka	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1123	209226	Sarawak	Lelaki (WN)	81	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi dan kencing manis
1124	271916	Sarawak	Perempuan (WN)	79	Hospital Bintulu	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
1125	272051	Kelantan	Lelaki (WN)	68	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Penyakit kencing manis
1126	280631	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi, kencing manis, jantung, dan buah pinggang kronik
1127	296200	Selangor	Perempuan (WN)	88	Pusat Perubatan Univerisiti Malaya	<i>Osteoporosis</i>
1128	296663	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dislipidemia, obesiti, dan buah pinggang kronik
1129	297934	Perak	Lelaki (WN)	69	Hospital Taiping	Penyakit darah tinggi dan kencing manis

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1130	270974	Johor	Perempuan (BWN)	102	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

Perincian sembilan (9) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN TIMAH TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-281756) dilaporkan positif COVID-19 pada 21 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan sebuah kilang yang terletak di Jalan Timah 3, *Pasir Gudang Industrial Estate*, Johor Bahru. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 255 individu telah disaring, di mana **31 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN TANJUNG EMPAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Tanjung A/4, Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 66 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN DESA TROPIKA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Desa Tropika 1/1, Taman Perindustrian Tropika, Johor Bahru. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER BATU EMPAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Batu Pahat di Johor. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-284793) dilaporkan positif COVID-19 pada 22 Februari 2021 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal. Kluster ini melibatkan sebuah kilang yang terletak di Batu 4, Jalan Kluang, Batu Pahat. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 55 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER PERUSAHAAN JALAN BUKIT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19

pada 28 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perusahaan Bukit Angkat, Kajang, Hulu Langat. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 699 individu telah disaring, di mana **262 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER INDUSTRI WAJA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 26 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Waja 16, Kawasan Perindustrian Telok Panglima Garang, Kuala Langat. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 248 individu telah disaring, di mana **45 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN SELISIK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling dan Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 1 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Selisik, Shah Alam. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **17 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER TAPAK BINA BUKIT KIARA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 25 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Bukit Kiara 1, Kepong. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 250 individu telah disaring, di mana **181 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN SUNGAI BAONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 24 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Sungai Baong, *Furniture Industrial Estate*, Seberang Perai Selatan. Sehingga 28 Februari 2021, sejumlah 93 individu telah disaring, di mana **40 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.